

DOC INTERIM

- Syarikat pengurus kapal mestilah memohon DOC Interim terlebih dahulu. Senarai semak bagi permohonan tersebut adalah seperti *Interim DOC Application Checklist*.
- Pada permohonan DOC Interim, pihak syarikat mestilah mengemukakan cadangan tarikh untuk proses semakan dokumen (*document review*) oleh Jabatan Laut Malaysia.*
- Secara kebiasaannya, proses semakan dokumen akan dijalankan di:-

*Bilik Perbincangan,
Aras 3, Blok D,
Bahagian Kawalan Industri,
Ibu Pejabat Laut,
Jabatan Laut Malaysia,
Jalan Limbungan, Pelabuhan Klang,
Selangor, Malaysia.*

- Pihak syarikat akan menerima surat rasmi oleh Jabatan Laut Malaysia tentang susun-atur proses semakan dokumen/audit, dan pihak syarikat diminta untuk menghubungi auditor yang dilantik bagi sebarang pertanyaan lanjut;
- Semasa proses semakan dokumen oleh Jabatan Laut Malaysia, dokumen-dokumen sokongan haruslah lengkap dan *Safety Management System Manual* (SMS Manual) syarikat mestilah dikemukakan untuk disemak. SMS dan dokumen sokongan tersebut boleh dikemukakan dalam material *hardcopy* atau *softcopy*. Kakitangan syarikat yang berpengetahuan dan mahir dengan SMS (disyorkan: DPA), wajib menghadirkan diri untuk proses semakan dokumen;

- Setelah semakan dokumen mendapati kesemua kepatuhan adalah memuaskan, Jabatan Laut Malaysia akan mengeluarkan Sijil DOC Interim dalam tempoh 7 hari waktu bekerja;
- Proses DOC Interim ini juga terpakai kepada:-
 - ✓ permohonan penambahan/pertukaran jenis kapal (additional ship type);
 - ✓ pindaan besar kepada SMS syarikat.

DOC PENUH

(Full Term DOC)

- Permohonan untuk DOC Penuh/endosan tahunan hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh cadangan untuk dilaksanakan verifikasi audit oleh Jabatan Laut Malaysia.*
- *Window period* yang sah bagi sijil DOC adalah seperti berikut:-
 - ✓ Annual Verification/Endorsement –
3 bulan sebelum/selepas tarikh ulang tahun sijil
 - ✓ Renewal Verification/ Issuance –
6 bulan sebelum tarikh tamat sijil
 - ✓ Initial Verification/Issuance –
Sijil DOC Interim yang sah dan satu (1) bulan sebelum tarikh tamat lanjutan terakhir bagi sijil tersebut.
- Jika audit atau pengesahan sijil tersebut berlaku di luar *window period*, sijil DOC boleh dianggap tidak sah.
- Audit hanya akan dijalankan di premis yang beralamat sepertimana tertera di dalam DOC termasuklah di alamat cawangan sepertimana dinyatakan pada

borang permohonan. Audit *ship-sampling* akan dijalankan sekurang-kurangnya satu (1) kapal bagi setiap jenis kapal mengikut DOC syarikat. Hal ini adalah prasyarat sebelum Jabatan Laut melakukan audit tahunan pertama mengikut tarikh sah DOC;

- DPA syarikat, mereka yang terlibat secara langsung dengan perkara-perkara yang melibatkan ISM syarikat, dan wakil daripada Pengurusan Tertinggi syarikat, wajib menghadirkan diri semasa audit dijalankan.
- Setelah audit selesai sepenuhnya, sijil DOC Penuh/endosan tahunan akan dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia dalam tempoh 7 hari waktu bekerja.

KAEDAH PERMOHONAN

- Semua permohonan boleh dilakukan dengan kaedah:-
 - ✓ Untuk syarikat di Malaysia, melalui sistem BLESS—
www.bless.gov.my
sebarang kesulitan bagi sistem BLESS;
Tel: 1-300-88-1020
Emel: bless@icu.gov.my
 - ✓ Untuk syarikat asing, borang boleh dimuat-turun **di sini**. Sebarang pertanyaan atau permohonan dengan borang yang telah lengkap diisi haruslah dihantar melalui emel kepada—
emel: ism@marine.gov.my

Nota:

- *Syarikat tempatan yang mengalami masalah dengan capaian Sistem BLESS, boleh mengemukakan permohonan secara emel.*
- *Semua perbelanjaan logistik dan elaun auditor akan dicaj kepada syarikat.*

- Sekiranya (merujuk kepada kes-kes tertentu) terdapat kekangan oleh auditor untuk melaksanakan audit/penyampelan kapal/semakan dokumen mengikut tarikh yang dicadangkan oleh pihak syarikat, pihak Jabatan Laut Malaysia berhak meminda tarikh audit/penyampelan kapal/semakan dokumen dalam tempoh 30 hari daripada tarikh cadangan tersebut. Untuk audit di luar Malaysia, syarikat perlulah mengemukakan sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tarikh cadangan audit.